

8 Mac 2013

Syabu: Lelaki Australia hadapi hukuman gantung

KUALA LUMPUR 7 Mac – Seorang lelaki rakyat Australia kini menghadapi hukuman gantung sampai mati setelah ditahan kerana memiliki dua paket dadah jenis syabu bernilai RM90,000 di Jalan Yap Kwan Seng di sini pada 1 Mac lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh berkata, siasatan terhadap suspek berusia 33 tahun itu dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Menurut beliau, pihaknya akan menyerahkan kertas siasatan kepada Peguam Negara dalam masa terdekat sejurus siasatan kes tersebut selesai.

“Semasa ditahan suspek memiliki 228 gram dadah jenis syabu. Ekoran penahanan itu, kita percaya dapat membanteras pengedaran dadah jenis tersebut yang didalangi warga Australia.

“Siasatan percaya suspek aktif mengedar dadah sekitar Lembah Klang sejak beberapa bulan lalu. Suspek turut disyaki cuba membawa syabu dari negara ini untuk diseludup ke negara asalnya,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.